# Kejohahan Badminton Tertutup UMS sukses

UB 28.03.2012 A14

KOTA KINABALU: Kelab Badminton UMS dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan kejohanan Badminton Tertutup buat julung kalinya di Kompleks Sukan Likas pada 24-25 Mac lalu.

Seramai 82 peserta telah menyertai kejohanan ini dan mereka terdiri daripada pelajar-pelajar dan staf UMS.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari ini bertujuan untuk mencari bakat baru bagi acara badminton bagi menyertai Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) siri 1 yang akan diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), serta melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang sihat dan cergas.

Dalam pada itu, pemain perseorangan lelaki, Zainoh Janjam mempamerkan aksi cemerlang dengan menundukkan Hassan Enses 22-20,21-14 bagi muncul johan kategori perseorangan lelaki.

Manakala Zaen Ismail sekadar berpuas hati di tempat ketiga diikuti oleh Lim Tzer Feng di tempat keempat.

Sementara itu, johan perseorangan wanita Leu Siew Ling mengambil masa selama 35 minit dalam perlawanan tiga set sebelum berjaya menewaskan Bettney Haijon dengan keputusan 21-4, 7-21 dan 21-10.

Pasangan beregu lelaki Muhammad Naqiuddin Elias dan Mohamad Zulhusni Abdul Aziz pula mempamerkan corak permainan yang konsisten untuk muncul johan kategori beregu lelaki dengan kemenangan 21-16,21-16 terhadap pasangan Ag.Khaifah Riyard Kiflee dan Mohd Azrie Rahman.

Johan beregu wanita diperoleh Tan Jee Ying dan rakan sepasukannya Liew Siew Ling dengan menewaskan pasangan Anthena Kong Mei Tze dan Nurul Sahlina Sahidin dengan keputusan 21-6, 21-7.

Bagi kategori kakitangan pula, beregu Abdul Jalil dan Joybai telah bertungkus lumus sebelum berjaya menumpaskan pasangan Hanafiah dan Masrin 21-16, 21-16 dalam perlawanan selama 45minit.

Penasihat Kelab Badminton UMS, Rodeano Rosli, yang juga merupakan pensyarah UMS dalam pada itu menyatakan penghargaannya kepada semua pihak, terutamanya kepada presiden Kelab Badminton UMS, Lim Tzer Feng dan pengarah kejohanan, Lim Chee Teng atas kejayaan menganjurkan kejohanan ini buat julung kalinya.

"Saya berharap agar sukan badminton akan terus mekar dan menjadi sukan nombor satu di Universiti Malaysia Sabah pada masa akan datang," katanya.

Katanya, Kelab Badminton UMS juga sedang dalam perancangan untuk menganjurkan Kejohanan 'Bayu Cup' yang akan melibatkan semua IPTA dan IPTS di seluruh Sabah.



**RODEANO**



**SEMUA peserta dan AJK kejohanan bergambar bersama penasihat Kelab Badminton dan jurulatih badminton UMS.**



**PASUKAN beregu kategori wanita yang melangkah ke final.**



**JOHAN perseorangan wanita, Leu Siew Ling**



**JOHAN beregu kategori lelaki diraih oleh saudara Muhammad Naqiuddin Elias dan Mohamad Zulhusni Abdul Aziz**



**BARISAN pemenang bagi kategori beregu wanita bersama dengan jurulatih badminton UMS (kiri) dan Penasihat Kelab Badminton UMS (kanan).**





**AKSI bersahaja johan perseorangan lelaki, Zainoh Janjam**